

Yang di-Pertuan Agong lawat DSA 2012
Utusan Online
17 April, 2012

KUALA LUMPUR 16 April - Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah mencemar duli meluangkan masa selama kira-kira dua jam melawat hari pertama Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2012 yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Keberangkatan tiba Seri Paduka bersama Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah pada pukul 10.30 pagi disambut Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin; pegawai-pegawai kanan ATM dan perwakilan luar negara.

Seri Paduka turut mencemar duli melawat pusat pameran syarikat-syarikat pertahanan dari pelbagai negara termasuk Rusia, Turki, United Kingdom, negara-negara Eropah dan syarikat pengeluar tempatan.

Selain itu, Seri Paduka turut dipersembahkan demonstrasi menyelamatkan mangsa tebusan oleh Grup Gerak Khas (GGK) melibatkan tiga disiplin ATM iaitu melalui air, darat dan udara.

Tuanku Abdul Halim juga tertarik dengan pameran replika pesawat pejuang helikopter dan pesawat pengangkutan tentera Airbus Military dan Eurocopter yang mana Seri Paduka meluangkan masa selama 10 minit di pusat pameran itu.

Selain mendengar penerangan daripada pegawai kedua-dua syarikat terbabit, Seri Paduka turut melihat replika pesawat pengangkut A400m yang bakal diterima ATM pada 2015 dengan kos RM2.5 bilion membabitkan empat pesawat keluaran Airbus Military.

Seri Paduka turut melihat replika helikopter tempur pelbagai fungsi jenis Tiger Had keluaran Eurocopter.

Ini adalah lawatan pertama Tuanku Abdul Halim dan Tuanku Hajah Haminah ke pameran bertaraf antarabangsa sejak pertabalan sebagai Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong ke-14 pada 11 April lalu.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0417&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_15.htm